

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)64

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

64. Tanah Wakaf.

- (a) Berapa banyakkah jumlah tanah wakaf di Negeri Pulau Pinang keseluruhannya dan berapakah yang telah dibangunkan dan terbiar?
- (b) Sejauh manakah MAINPP telah menjalankan fungsi dan kuasanya terhadap tanah wakaf bagi mempertahankan hak dan kepentingan serta membangunkan ekonomi Umat Islam di Negeri Pulau Pinang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

64. (a) Berdasarkan rekod Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), sehingga kini terdapat sejumlah 1,303 lot tanah wakaf yang berkeluasan 1,269.22 ekar di Negeri Pulau Pinang. Bagi tanah wakaf, sebanyak 45 lot yang berkeluasan 45.34 ekar telah dibangunkan dengan projek kediaman dan kedai komersial dan terdapat 19 lot yang berkeluasan 57.58 ekar adalah tanah yang berpotensi untuk dimajukan. Namun terdapat pelbagai isu

penghunian dan pertikaian yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum lot-lot tanah itu dimajukan.

Manakala tanah wakaf yang melibatkan 805 lot berkeluasan 721.92 ekar digunakan sebagai masjid, surau, tanah perkuburan dan sekolah agama tidak boleh dimajukan secara komersial.

Di samping itu, 434 lot yang berkeluasan 440.86 ekar pula adalah tanah wakaf yang dikategorikan sebagai tanah sawah/pertanian/kosong yang tidak strategik dan tidak ekonomik untuk dimajukan dengan projek pembangunan selain pertanian. Sebagai contoh, tapak surau yang kecil dan berada di kawasan penduduk yang bukan beragama Islam. Selain itu, terdapat juga tanah wakaf yang tidak mempunyai akses dan berada di luar kawasan pembangunan.

- (b) Pihak MAINPP juga sentiasa mempertahankan hak dan kepentingan bagi membangunkan ekonomi umat Islam di Negeri Pulau Pinang. Sehingga kini pihak MAINPP telah membangunkan 45 lot yang berkeluasan 45.34 ekar

dimana melalui pembangunan ini telah disediakan 457 unit kediaman dan 174 unit komersial.

Manakala bagi cadangan pembangunan masa hadapan pula, MAINPP telah merancang untuk melaksanakan projek pembangunan yang melibatkan 19 lot yang berkeluasan 57.58 ekar dengan anggaran pembangunan 4,960 unit kediaman dan 175 unit komersial disediakan bagi umat Islam di Negeri Pulau Pinang.